

31 DEC 2001

Tahun Baru-Sambutan (Rangkuman)

HUJAN TIDAK JEJASKAN SAMBUTAN TAHUN BARU 2002

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Tahun baru 2002 disambut meriah oleh warga kota yang berhimpun di beberapa tempat yang mengadakan sambutan khas di sekitar bandaraya walaupun dilanda hujan seketika.

Hujan yang kadang kala lebat antara 6 petang hingga 8 malam tidak mematahkan semangat beribu-ribu orang untuk menyambut kedatangan tahun baru di beberapa tempat terutamanya sekitar Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur City Centre (KLCC) dan Dataran Merdeka.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali adalah antara ribuan warga kota yang menyaksikan pelbagai acara yang disusun untuk menyambut kedatangan tahun baru ini.

Kemuncak perayaan ialah di Dataran Merdeka di mana kira-kira 100,000 orang berkumpul untuk menunggu detik 12 tengah malam berpandukan jam besar di Bangunan Sultan Abdul Samad.

Sebaik sahaja tepat 12 tengah malam, ruang udara bandaraya bermandikan cahaya dengan persembahan bunga api di KLCC.

Dataran Merdeka menjadi tumpuan orang ramai sejak petang lagi yang menghadiri Rumah Terbuka Aidilfitri, Krismas dan Tahun Baru.

Selepas itu, mereka disajikan dengan persembahan Pancawarna Malaysia yang menampilkan artis tempatan termasuk Nora, Rabbani, Brothers, Koprata dan Datuk M.Daud Kilau selain pertunjukan kebudayaan.

Sekitar kawasan Bukit Bintang pula menjadi tumpuan kira-kira 150,000 orang bagi menyaksikan pelbagai acara menarik termasuk persembahan orkestra simfoni dari Itali yang turut disertai oleh tujuh pemuzik muda Malaysia.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah adalah antara orang kenamaan yang menyaksikan persembahan orkestra itu anjuran YTL Corporation Berhad.

Terdahulu, dalam ucapannya pada majlis itu, Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia harus bersyukur kerana mereka dapat menyambut tahun baru secara besar-besaran walaupun negara menghadapi kegawatan sepanjang tahun lepas.

"Kita harus bersyukur kerana kita di Malaysia dapat menyambut Tahun baru secara besar-besaran seperti ini.

"Tahun 2001 agak teruk... walaupun saya pernah berada di sini dan mengucapkan selamat tahun baru, nampaknya ia tidak menjadi kenyataan," kata beliau.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah kemdian menuju ke KLCC untuk bersama-sama kira-kira 30,000 orang membuat kiraan detik 12 malam.

Sejurus tepat 12 tengah malam, pertunjukan bunga api diadakan selama lima minit dan diikuti oleh persembahan lagu-lagu patriotik.

Orang ramai berkumpul di taman KLCC sejak 8 malam bagi menyaksikan pelbagai persembahan kebudayaan serta konsert oleh artis tempatan termasuk Shafinaz dan Rem.

Sementara itu, hujan renyai di Dataran Merdeka tidak menghalang kira-kira 100,000 pengunjung membanjiri Dataran Merdeka untuk sama-sama menyambut ketibaan tahun baru.

Mereka turut sama-sama mengira detik tibanya tahun baru bersama-sama Timbalan Menteri Penerangan Datuk Khalid Yunus.

Khalid dan orang ramai kemudian menyanyikan lagu Jalur Gemilang sebelum melaungkan Hidup Malaysia dan Berjaya Malaysia sebanyak tiga kali dan diiringi pertunjukan bunga api kira-kira 10 minit.

Sementara itu, di ALOR SETAR, beribu-ribu penduduk di sini dan sekitar menyambut ketibaan detik tahun baru dengan penuh meriah sekali.

Hampir 10,000 orang membanjiri Menara Alor Setar kerana inilah julung-julung kalinya sambutan detik 12 malam diadakan di perkarangan menara milik Telekom Malaysia yang setinggi 110 meter itu.

Kawasan itu turut menjadi tumpuan ramai kira-kira 10 minit sebelum 12 tengah malam selepas ribuan peminat bola sepak yang baru selesai menyaksikan perlawanan akhir Karnival Bola Sepak Empat Penjuru.

Selain menunggu detik 12 malam di situ, mereka juga bergembira dengan meraikan kemenangan pasukan Kedah yang menjuarai karnival itu setelah menewaskan Terengganu 1-0 manakala pemain dan pengurusan pasukan Kedah merayakan kemenangan mereka di Stadium Darulaman sambil meraikan tahun baru 2002.

Pelbagai acara menarik diadakan di Menara Alor Setar dengan persembahan hiburan daripada artis-artis tanahair seperti Illa Sabri, Kristal, Shamirah, Hawa, Candani dan persembahan kebudayaan daripada kumpulan penari Citrawarna Production.

Kemuncak acara malam ini ialah kumpulan penerjun Ropewise membuat terjunan dari atas menara apabila tiba detik 12 malam.

Penerjun-penerjun itu turut membawa dan mengibarkan sepanduk tahun 2002 bagi meraikan sambutan tahun baru bersama-sama orang ramai.

Di LANGKAWI, sambutan tahun baru disambut sederhana tetapi penuh meriah dengan pelbagai acara diadakan.

Seramai 60 peserta dari 20 pasukan menyertai Jalan Ria Mencari Harta Karun 2001/2002 di Dataran Lang di sini, malam ini.

Orang ramai juga berpeluang menyaksikan persembahan Band Rakan Muda Kedah selain pihak pengurusan hotel-hotel di sini menganjurkan acara mereka masing-masing.

Di KANGAR, sambutan tahun baru berlangsung tanpa sebarang acara rasmi namun kemeriahan tetap dirasakan di markas-markas pilihan raya kecil dewan undangan negeri kawasan Indera Kayangan.

Para pekerja parti khususnya Barisan Nasional (BN) yang sibuk dengan tugas masing-masing di markas pilihan raya tetap berkesempatan melaungkan selamat tahun baru tepat 12 tengah malam.

Tinjauan Bernama mendapati bandar Kangar agak sunyi dan anggota-anggota polis cawangan Trafik bertugas di beberapa lokasi bagi mengelakkan kegiatan lumba haram.

Sehingga awal pagi ini, tiada sebarang kejadian buruk berlaku sempena sambutan tahun baru.

Di PULAU PINANG, kira 40,000 orang termasuk pelancong asing membanjiri Padang Kota Lama untuk menyaksikan persembahan kebudayaan, nyanyian dan pertunjukan bunga api sempena sambutan meraikan tahun baru 2002.

Suasana di sekitar padang bersejarah itu juga terang-benderang dengan lampu berwarna-warni yang dipasang di bangunan sekitarnya.

Keadaan menjadi bertambah meriah apabila ribuan rakyat dan orang kenamaan yang diketuai Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Hilmi Yahaya yang berada di atas pentas membilang sepuluh saat terakhir sebelum jam 12 tengah malam diikuti oleh pekik sorak dan bunyi hon kereta dan motosikal yang ada di situ.

Dalam ucapan ringkasnya sebelum itu, Hilmi meminta rakyat negeri ini bekerja dengan gigih dan bekerjasama dalam mencapai matlamat memulihkan ekonomi negeri.

Sementara itu di SHAH ALAM, kira-kira 10,000 orang membanjiri Dataran Shah Alam sejak 8 malam untuk menyertai sambutan tahun baru.

Acara kiraan detik 12 malam itu turut disertai oleh Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamed Khir Toyo, Timbalan Menteri Besar Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad dan anggota-anggota Exco negeri.

Jalan-jalan di sekitar bandaraya itu juga bermandi cahaya lampu selain lalu lintas agak sesak ekoran tindakan pemilik kenderaan meletakkan

kenderaan masing-masing di tepi-tepi jalan.

Acara cabaran Jelajah Semenanjung Malaysia selama 18 jam tanpa henti dengan motosikal berkuasa tinggi oleh Kelab Sukan Bermotor Selangor hari ini mencapai matlamatnya walaupun berlaku kemalangan yang meragut nyawa marsyal ekspedisi itu, Mohamad Nazain Mohamad Ahat, 25.

Ekspedisi itu tiba di Dataran Shah Alam pada 11.50 malam ini selepas mengelilingi Semenanjung sejak dilepaskan oleh Dr Mohamed Khir pada 6.30 pagi ini di sini.

Kejayaan itu membolehkan ekspedisi itu dicatatkan dalam Malaysia Book of Records.

-- BERNAMA

RIZ NM NAK